

SOALAN NO. 17**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD (PASIR GUDANG)

TARIKH : 24 OKTOBER 2017 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad (Pasir Gudang) minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) Berikutan objektif penubuhan PERWANI (Perkumpulan Wanita) yang telah diperkenalkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) apakah status pelaksanaan program-program yang dikendalikan oleh PERWANI dan keberkesanannya dalam mencapai objektif penubuhan; dan
- (b) Apakah program-program PERWANI masih diteruskan dan adakah terdapat sebarang tempoh jangka masa yang ditetapkan Kementerian bagi menilai potensi program-program PERWANI.

JAWAPAN : YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited untuk menggerakkan agenda pembangunan dan pemerksaan wanita agar mereka dapat menyumbang dengan lebih aktif kepada pertumbuhan ekonomi, meningkatkan produktiviti dan menikmati taraf kehidupan yang lebih baik. Kerajaan juga akan terus memberi sokongan terhadap program golongan wanita termasuklah penglibatan wanita dalam aktiviti kesukarelawanan dalam memartabat dan memperkasa golongan wanita.

PERWANI (Perkumpulan Wanita) atau nama penuhnya Komuniti PERWANI 1Malaysia merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS – 8) yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Kewangan (MOF) sebagai penerajunya.

Melalui inisiatif Komuniti PERWANI 1Malaysia, Komuniti Perwani di seluruh Malaysia bertindak sebagai kumpulan jaringan wanita dan agen transformasi peringkat akar umbi dalam komuniti masing-masing. Kumpulan ini diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Wanita iaitu agensi di bawah Kementerian.

Objektif penubuhan Komuniti PERWANI 1Malaysia adalah seperti berikut:

- a) Mewujudkan Komuniti PERWANI 1Malaysia sebagai agen transformasi wanita di peringkat komuniti supaya aktiviti-aktiviti pembangunan wanita dapat diselaras dengan baik dan tepat pada sasaran;
- b) Memberi maklumat dan meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai hala tuju Kerajaan untuk membentuk sebuah negara yang progresif tanpa mengabaikan kepentingan dan sumbangan wanita di peringkat komuniti; dan

35

c)Memperkasakan Komuniti PERWANI 1Malaysia agar menjadi kumpulan jaringan wanita yang mengamalkan amalan pengurusan yang terbaik dalam melaksanakan program transformasi komuniti.

Sehingga 10 Oktober 2017, jumlah pendaftaran Komuniti PERWANI 1Malaysia adalah sebanyak 13, 201 kumpulan dengan keahlian seramai 172,557 orang.

Sejak tahun 2013, sebanyak 1,964 program telah dijalankan oleh Komuniti PERWANI 1Malaysia meliputi bidang pembangunan kapasiti dan pemerksaan ekonomi. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Sepanjang tahun 2017, seramai 236 ahli PERWANI telah menyertai **program kesukarelawanan** di hospital-hospital dan sekolah-sekolah bertujuan untuk memberikan sokongan psikososial kepada pesakit dan bimbingan kaunseling kepada pelajar sekolah yang telah memberi manfaat kepada 3,192 orang.

ii. Seramai 1,164 ahli PERWANI telah menghulurkan bantuan kepada masyarakat setempat dalam meringankan beban mereka dalam

menghadapi bencana seperti banjir, kebakaran dan sebagainya;
dan

iii. Seramai 6,225 ahli PERWANI telah diberikan latihan **lay counselor** bagi membantu komuniti dalam menangani isu-isu sosial dan juga kemasyarakatan.

Program-program yang dilaksanakan sentiasa ditambah baik berdasarkan kepada keperluan semasa. Bagi menilai keberkesanan program-program tersebut, KPWKM sentiasa membuat penilaian dan pemantauan melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN), Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) dan Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS). Hasil daripada penilaian dan pemantauan tersebut, KPWKM mendapati program-program Komuniti PERWANI 1Malaysia adalah selari dengan objektif penubuhannya melalui sambutan baik masyarakat terhadap aktiviti yang dilaksanakan oleh Komuniti PERWANI.

b) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita masih meneruskan pelaksanaan pelbagai program Komuniti PERWANI 1Malaysia di seluruh negara.

Program dan aktiviti Komuniti PERWANI 1Malaysia juga dilaksanakan melalui konsep NBOS iaitu kerjasama dengan pelbagai agensi dan kementerian seperti

- i. Program MyBest Buy dengan Kementerian Pertanian (MOA); dan
- ii. Program My Beautiful Neighbourhood dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

KPWKM akan sentiasa melaksanakan program-program yang melibatkan golongan wanita dalam membantu aspirasi Kerajaan dalam memperkasakan golongan wanita terutamanya dalam aktiviti sosial dan ekonomi. Sehubungan dengan itu, KPWKM tidak menetapkan sebarang jangka masa bagi menilai potensi program-program Komuniti PERWANI 1Malaysia sebaliknya akan sentiasa membuat penilaian dan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan program yang dilaksanakan memberikan manfaat kepada golongan sasaran.